

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1992/93

PLG 422 : Teori-Teori Pembelajaran Kognitif

Masa : [3 jam]

---

Jawab mana-mana TIGA soalan. Tiap-tiap soalan diberi markah yang sama.

1. [a] Sila terangkan apa yang dimaksudkan dengan konsep ingatan analog (imejeri). Huraikan secara ringkas eksperimen-eksperimen yang membuktikan proses kognitif tertentu pada masa seorang membentuk sesuatu imej.  
[b] Bagaimana kita boleh membuktikan bahawa ingatan simantik berinteraksi dengan ingatan imejeri?  
[c] Huraikan secara ringkas implikasi ingatan analog pada seorang guru khususnya di sekolah rendah.
  
2. [a] Apakah eksperimen-eksperimen yang menunjukkan bahawa ada dua jenis ingatan mengikut masa, iaitu ingatan jangka masa pendek dan panjang. Sila huraikan secara ringkas DUA eksperimen mengenainya.  
[b] Bagaimana berlaku kelupaan dalam ingatan jenis jangka masa panjang?  
[c] Apakah langkah-langkah yang boleh digunakan oleh seorang guru untuk mengatasi masalah kelupaan pada para pelajar.
  
3. [a] Sila huraikan secara ringkas ciri-ciri penting ujian projektif seperti ujian BAUM dengan merujuk kepada struktur-struktur psyche seorang manusia.

...2/-

- 2 -

- [b] Apakah kepentingan kajian seperti ini untuk menimbangkan semula model ingatan yang terdapat sekarang yang mementingkan hanya stor ingatan jangka masa pendek dan panjang.
  - [c] Huraikan secara ringkas SATU implikasi ujian BAUM di sekolah menengah.
4. [a] Sila huraikan 'Analysis Hermeneutik' dengan menerangkan konsep-konsep seperti 'ACT-TURN', 'Episode', 'susunan ACT-TURN' dan sebagainya.
- [b] Apakah kefahaman BARU yang kita dapat mengenai pengajaran dari menganalisis interaksi bilik darjah dengan menggunakan pendekatan ini.
5. [a] Kajian-kajian baru terhadap pemerhatian membezakan di antara 'attending' dan 'monitoring'. Terangkan kedua-dua proses ini dengan merujuk kepada eksperimen-eksperimen yang sesuai.
- [b] Apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh seorang guru pada waktu ia mengajar supaya pemerhatian kanak-kanak dikekalkan kepada apa yang disampaikan oleh guru.

- oooOooo -